

HARI : ISNIN
TARIKH : 23/3/2020
M/SURAT : 24

Bekalan keperluan asas di Pulau Pinang mencukupi

GEORGETOWN - Bekalan keperluan asas di Pulau Pinang mencukupi dan pengguna dinasihatkan berhenti melakukan pembelian panik.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, berdasarkan pemeriksaan dijalankan penguat kuasa KPDNHEP sehingga kelmarin mendapat empat pasar raya di bahagian pulau yang menjadi tumpuan orang ramai menyaksikan pembelian panik.

“Saya minta orang ramai untuk hentikan segera pembelian panik kerana barang keperluan memang mencukupi. Cuma perlu sedikit masa untuk tambah barang yang habis dijual di empat pasar raya itu. Barang keperluan di kedai runcit dan mini market masih ada banyak bekalan,” katanya di sini semalam.

Lebih 100 premis perniagaan telah diperiksa sejak Rabu sehingga kelmarin bagi memastikan bekalan keperluan asas mencukupi.

Mohd Ridzuan berkata, sehingga kini, pihaknya hanya menerima aduan berhubung kekurangan topeng muka dan menjangkakan bekalan itu akan pulih dalam masa terdekat. - Bernama